

02 OCT 2002

Mahathir-NCWO (Bergambar)

NCWO KEMUKA CADANGAN KEPADA PM BERHUBUNG ISU BAHASA INGGERIS

PUTRAJAYA, 2 Okt (Bernama) -- Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) hari ini mengemukakan beberapa cadangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pengajaran bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah.

Presiden NCWO Datin Paduka Zaleha Ismail berkata cadangan yang dikemukakan itu termasuklah melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris secara serentak termasuk dari Tahun 2 hingga 6 di sekolah rendah mulai tahun hadapan.

Kerajaan memutuskan mata pelajaran bahasa Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris untuk murid Tahun 1, Tingkatan 1 dan 6 Rendah di sekolah kebangsaan mulai tahun depan.

Kerajaan juga wajar membenarkan sekolah yang berkemampuan melaksanakan keputusan itu untuk pelajar Tingkatan 2 dan 4 mulai 2003, katanya selepas mengetuai 33 wakil persatuan-peratuan wanita di bawah NCWO dengan Dr Mahathir di sini.

Menurutnya pelajar Tingkatan 3 dan 5 perlu dikecualikan memandangkan mereka akan menduduki peperiksaan.

Selain itu, NCWO mencadangkan kerajaan menyediakan guru secukupnya dengan mengambil guru sementara, mengadakan kursus dan perkhidmatan berterusan pada hujung minggu dan cuti sekolah selain meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris melalui bantuan perisian.

Zaleha berkata infrastruktur seperti makmal komputer di pusat pembelajaran bergerak, skim pinjaman komputer dan kemudahan membaiki komputer juga perlu disediakan.

Beliau berkata sukatan mata pelajaran bahasa Inggeris juga perlu disemak semula sejajar dengan status bahasa itu sebagai bahasa global dan bukan lagi bahasa kedua.

Katanya NCWO sedia memberi khidmat sokongan dalam aspek pelaksanaan dasar itu termasuk menerangkannya kepada lebih sejuta anggota 116 pertubuhan gabungannya dan kepada masyarakat sehingga peringkat akar umbi.

Beliau berkata Dr Mahathir menyambut baik cadangan itu walaupun ia mungkin tidak boleh dilaksanakan serta-merta.

-- BERNAMA
MUN MAM LAT